



**EMBARGO:** Tidak boleh dicetak atau disiarkan di mana-mana platform media sosial sebelum jam 11 pagi, 30 Disember 2024.

Untuk Terbitan Media  
30 Disember 2024

## SIARAN MEDIA

### **PERKESO CAPAI SASARAN 100%, LEBIH 500,000 WANITA PENCARUM AKTIF SKIM KESELAMATAN SOSIAL SURI RUMAH (SKSSR) BAGI TAHUN 2024**

Akta Skim Keselamatan Sosial Suri Rumah (SKSSR) yang diluluskan di Dewan Rakyat pada Disember 2022 merupakan salah satu inisiatif PERKESO dan Kementerian Sumber Manusia yang diterajui oleh YB Steven Sim di bawah Kerajaan MADANI telah mencatatkan pendaftaran seramai 512,518 wanita sebagai pencarum bagi tempoh Januari hingga 15 Disember 2024, sekali gus berjaya mencapai 100 peratus sasaran PERKESO dan KESUMA iaitu pendaftaran 500,000 suri rumah sebagai pencarum untuk tahun ini. Ia merangkumi jumlah keseluruhan RM 61,502,160.00.

Skim ini merupakan cetusan idea daripada isteri YAB Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail ketika beliau menjadi Timbalan Perdana Menteri pada tahun 2018 seterusnya ia mula dilancarkan pada 1 Disember 2022 dengan mencatat seramai 1,092 pencarum secara sukarela selepas lapan hari dikuatkuasakan.

Dengan hanya RM120 setahun, golongan wanita di Malaysia – tidak kira lahir wanita bujang, wanita yang telah bercerai, wanita yang kehilangan suami, ibu tunggal, ibu tinggal malah wanita bekerja yang menjalankan tanggungjawab hakiki, sepenuh masa maupun separuh masa sebagai suri rumah selepas waktu bekerja akan mendapat manfaat seperti perlindungan bencana domestik jika mereka mengalami kemalangan atau apa-apa insiden semasa melakukan urusan berkaitan rumah tangga.

SKSSR juga melindungi suri rumah yang ditimpa penyakit atau kezuruan. Faedah perlindungan bencana domestik termasuklah faedah perubatan, faedah hilang upaya kekal, elaun layanan

sentiasa, faedah pengurusan mayat, kemudahan pemulihan jasmani atau dialisis serta pencegahan penakat manakala dibawah faedah perlindungan keilatan mana-mana suri rumah yang mencarum akan memperoleh manfaat elauan keuzuran, elauan layanan sentiasa, kemudahan pemulihan jasmani dan dialisis, faedah pengurusan mayat dan pencegahan penakat (*\*penerangan di dalam lampiran*).

Kewujudan akta yang boleh dikira agak baharu khas untuk wanita terutama dalam kalangan suri rumah adalah iltizam politik dan kesungguhan untuk memperuntukkan dan menyediakan satu jaringan keselamatan bagi golongan pekerja yang menabur jasa untuk membina keluarga, masyarakat dan negara. Walaupun sumbangan suri rumah kadang-kadang tidak dirasai kerana jarang diberikan nilai tenaga kerja namun tanpa mereka sebagai pendidik, perawat dan pengasuh pastinya tugas membangun institusi keluarga akan terjejas. Mereka adalah jurutera dan arkitek dalam membina atas kukuh keluarga. Mereka merupakan pekerja profesional dalam arus pembangunan negara yang kini harus diberi penghormatan dan pengiktirafan yang sewajarnya – mereka adalah wirawati yang tidak didendang.

Sumbangan, pengorbanan dan jasa seramai lebih 3.1 juta suri rumah di Malaysia tiada tolok bandingnya dengan mana-mana tugas hakiki yang lain. Sebahagian daripada batu asas sebuah keluarga yang sejahtera dan sihat daripada segi fizikal, rohani, psikologi dan sosial – kedudukan suri rumah sebagai penyumbang terbesar bagi melahirkan individu dan mewujudkan komuniti yang teguh, selaras membina landasan keluarga MADANI.

Menurut Pertubuhan Buruh Antarabangsa (International Labour Organization) sempena Hari Penjagaan dan Sokongan Antarabangsa (International Day of Care and Support) lebih 708 juta wanita seluruh dunia tidak mencebur alam pekerjaan dan bekerja sepenuh masa dalam ‘care economy’ di dalam keluarga mereka. Ini bererti lebih 708 juta wanita bertanggungjawab sebagai pemangkin kemaslahatan dan kepentingan negara dan kebajikan mereka harus dibela, dilindungi dan disanjungi.

Bagaimana kerajaan dapat mengiktiraf, menghargai dan memuliakan sumbangan serta pengorbanan suri rumah di Malaysia? Sedikit sebanyak melalui Skim Keselamatan Sosial Suri Rumah di bawah PERKESO. Walaupun lebih setengah juta suri rumah bagi Skim Keselamatan Sosial Surirumah telah mendaftar dibawah PERKESO bagi tahun 2024, namun ia hanya 16.5 peratus daripada jumlah keseluruhan dan masih ada lebih 2.6 juta suri rumah yang belum lagi mendaftar untuk perlindungan ini.

Skim SKSSR menyediakan perlindungan komprehensif kepada suri rumah yang berstatus warganegara Malaysia, pemastautin tetap dan berumur 54 tahun semasa bayaran caruman dilakukan. Daripada jumlah suri rumah yang mendaftar sebagai pencarum SKSSR, sehingga bulan November lalu, PERKESO telah meluluskan sebanyak 2,019 kes tuntutan dengan faedah bernilai RM3.9 juta. Ini membuktikan keberkesanan skim ini dalam menjaga kebijakan suri rumah sekali gus membantu meningkatkan kesejahteraan sosial mereka.

Sekiranya suri rumah meninggal dunia sebelum usia 55 tahun, waris layak menerima Faedah Pengurusan Mayat (FPM) sebanyak RM3,000 serta Pencen Penakat sehingga RM300 sebulan berdasarkan kelayakan tanggungan.

Kerajaan komited dalam usaha melindungi wanita dalam sektor '*'care economy'*' dengan fleksibiliti pembayaran caruman oleh suami, suri rumah sendiri, ahli keluarga, atau pihak ketiga selaras dengan pengenalan kad baucer suri atau '*'scratch card'*' bernilai RM120 yang boleh dihadiahkan kepada warga suri rumah atau sebagai hantaran kahwin yang semakin popular dalam kalangan anak muda yang mahu menghadiahkan payung perjalanan kehidupan kepada pasangan mereka.

Selaras dengan penambahbaikan sistem penyampaian maklumat Skim Keselamatan Sosial Suri Rumah, buat pertama kali, '*booklet*' SKSSR telah diterjemahkan di dalam beberapa bahasa yang lain selain Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris bagi memudahkan pembaca untuk memahami kandungan "*booklet*" didalam bahasa mereka sendiri. Bahasa-bahasa lain yang terlibat adalah :-

- Bahasa Tamil
- Bahasa Mandarin
- Bahasa Iban dan
- Bahasa Kadazandusun

Tahun ini juga, kerajaan MADANI telah menawarkan pengecualian cukai mengikut peruntukan Seksyen 44(6) Akta Cukai Pendapatan 1967 bagi mana-mana syarikat yang mencarum RM120 untuk pekerja wanita daripada golongan B40 atau melalui suami atau ahli keluarga B40. PERKESO telah menjalankan beberapa jerayawara bersama komuniti perniagaan dan syarikat-syarikat untuk memberikan taklimat berhubung skim pengecualian cukai ini.

Pada masa yang sama, sebanyak 10 syarikat telah menaja caruman SKSSR berjumlah RM558,360 yang telah memanfaatkan wanita dari golongan B40 yang tidak mampu untuk membayar amaun ini diatas kekangan kewangan melalui Memorandum Persefahaman yang telah dimeterai diantara PERKESO dan Yayasan Kebajikan Negara (YKN).

Sepanjang tahun ini juga, sebanyak 4,064 libat urus bersama syarikat swasta, syarikat berkaitan kerajaan (GLC), badan berkanun, Ahli Parlimen, ADUN, individu perseorangan, Majlis Agama Islam dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) telah diadakan sebagai usaha menyebarkan maklumat yang tepat dan sebagai galakan agar caruman bagi suri rumah dapat dilakukan.

Harapan saya sebagai Pengerusi Jawatankuasa Keselamatan Sosial Suri Rumah, pada tahun hadapan lebih ramai anggota keluarga yang peka, cakna, menyedari dan menghayati pengorbanan suri rumah dan bertekad untuk mencarum untuk mereka yang tidak mengerti penat lelah untuk menyumbang kepada kebaikan dan kesejahteraan keluarga mereka.

Di samping itu, syarikat-syarikat swasta di seluruh negara juga digalakkan mengambil kesempatan untuk menikmati pengecualian cukai pendapatan apabila mereka mencarum untuk pekerja wanita B40 sebagai Corporate Social Responsibility (CSR) dan bagi pengurusan estet-estet (estate management) untuk mencarum bagi pekerja wanita B40 mereka juga.

Semua wakil rakyat juga disaran agar mengambil inisiatif untuk menaja wanita dari golongan B40 dibawah SKSSR agar sumbangan dan pengorbanan suri rumah dapat dilihat dan dihargai dengan lebih mendalam oleh individu, masyarakat serta negara.

Suri rumah sebagai tonggak keluarga yang sejahtera, ibarat kuat lilit kerana simpulnya!

**KASTHURI PATTO**  
**PENGERUSI**  
**JAWATANKUASA KESELAMATAN SOSIAL SURI RUMAH**  
**PERKESO**

#### **Mengenai PERKESO**

PERKESO, agensi Kerajaan yang menyediakan perlindungan sosial kepada pekerja swasta, Badan Berkanun/Kerajaan, bekerja sendiri dan suri rumah serta tanggungannya daripada keadaan luar jangka. Ia merangkumi kemalangan, hilang upaya, penyakit, kematian dan kehilangan pekerjaan. Perlindungan ini berkonsepkan insurans sosial dengan prinsip ‘Prihatin’ dan ‘leaves no one behind’. PERKESO beroperasi di 54 Pejabat, 5 Pusat Rehabilitasi dan 293 MYFutureJobs One Stop Center di Malaysia. Layari [www.perkeso.gov.my](http://www.perkeso.gov.my) atau hubungi Pusat Khidmat Pelanggan 1300 22 8000.

**Dikeluarkan oleh:**  
**Bahagian Komunikasi dan Hal Ehwal Korporat**  
**30 Disember 2024**  
**Untuk pertanyaan media, sila hubungi:**  
**Iklil Fatihah Kamal Redzuan**  
**+6019-7107479**  
**[fatihah.redzuan@perkeso.gov.my](mailto:fatihah.redzuan@perkeso.gov.my)**

**Ridauddin Daud**  
**+6011-5279 5799**  
**[ridauddin.daud@perkeso.gov.my](mailto:ridauddin.daud@perkeso.gov.my)**

**LAMPIRAN**

## **FAEDAH PERLINDUNGAN BENCANA DOMESTIK**

- **Faedah Perubatan** (*Suri rumah yang ditimpa bencana domestik boleh mendapatkan rawatan perubatan dan layanan pesakit luar di hospital, klinik atau institusi lain*)
- **Faedah Hilang Upaya Kekal** (*Suri rumah yang mengalami satu atau lebih hilang upaya kekal akibat bencana domestik, boleh memohon dan menerima bayaran Faedah Hilang Upaya Kekal secara sekali gus dengan pengesyoran oleh penilai perubatan atau Jemaah Doktor Rayuan*)
- **Elaun Layanan Sentiasa** (*Dibayar secara bulanan kepada suri rumah yang menerima Faedah Hilang Upaya Kekal atau Elaun Keuzuran akibat tidak berupaya dengan teruk hingga sentiasa memerlukan layanan peribadi daripada orang lain. Suri rumah layak menerima elauan ini setelah diperakukan oleh penilai perubatan atau Jemaah Doktor Rayuan. Bayaran elauan akan terhenti apabila suri rumah mencapai umur 55 tahun atau meninggal dunia*)
- **Faedah Pengurusan Mayat** (*Faedah Pengurusan Mayat sebanyak RM3,000 (berkuatkuasa mulai 1 Jun 2024) dibayar sekali (one-off) kepada orang tanggungan yang layak jika suri rumah berinsurans meninggal dunia sebelum mencapai umur 55 tahun*)
- **Kemudahan Pemulihan Jasmani atau Dialisis** (*Kemudahan Pemulihan Jasmani atau Dialisis disediakan kepada suri rumah yang layak setelah diperakukan menghidap hilang upaya kekal atau keilatan oleh penilai perubatan atau Jemaah Doktor Rayuan. Sekiranya perlu, suri rumah akan diberikan bekalan prostetik, ortotik atau lain-lain alat, tanpa sebarang kos.*)
- **Pencen Penakat** (*Jika suri rumah berinsurans meninggal dunia sebelum mencapai usia 55 tahun akibat bencana domestic atau sedang menerima elauan keuzuran atau mati atas apa-apa sebab dalam tempoh perlindungan, Pencen Penakat dibayar sebanyak RM300 sebulan kepada orang tanggungan yang layak mengikut syer yang ditetapkan. Pencen Penakat dibayar kepada duda, anak. Jika suri rumah berinsurans tidak meninggalkan duda, anak, bayaran Pencen Penakat dibayar kepada ibu bapa suri rumah berinsurans. Syer anak dibayar sehingga anak berumur 21 tahun atau berkahwin atau jika masih belajar sehingga tamat pengajian ijazah pertama. Jika ada anak yang terencat mental, kurang upaya fizikal yang menyebabkan tidak berupaya menanggung dirinya sendiri, syer anak tersebut dibayar sehingga berumur 55 tahun. Pencen Penakat dibayar hanya kepada duda atau ibu bapa warganegara Malaysia sehingga mencapai umur 55 tahun sahaja. Bayaran Pencen Penakat kepada duda juga akan terhenti jika duda berkahwin semula)*)

## **FAEDAH PERLINDUNGAN KEILATAN**

- **Elaun keuzuran** (*Dibayar secara bulanan kepada suri rumah yang menghidap keilatan dengan pengesyoran penilai perubatan atau Jemaah Doktor Rayuan. Suri rumah dianggap menghidap keilatan akibat sesuatu keuzuran yang berkekalan, sehingga tidak lagi berupaya melaksanakan sebahagian besar aktiviti menguruskan rumah tangga. Pemberian elauan ini akan berakhir setelah keilatan yang dialami suri rumah terhenti, mencapai umur 55 tahun atau meninggal dunia*)
- **Elaun layanan sentiasa** (*Dibayar secara bulanan kepada suri rumah yang menerima Elaun Keuzuran atau Faedah Hilang Upaya Kekal akibat tidak berupaya dengan teruk hingga sentiasa memerlukan layanan peribadi orang lain. Suri rumah layak menerima elauan ini setelah diperakukan oleh penilai perubatan atau Jemaah Doktor Rayuan. Bayaran elauan akan terhenti apabila suri rumah mencapai umur 55 tahun atau meninggal dunia*)
- **Kemudahan pemulihan jasmani atau dialisis** (*Kemudahan Pemulihan Jasmani atau Dialisis disediakan kepada suri rumah yang layak setelah diperakukan menghidap keilatan atau hilang*)

*upaya kekal oleh penilai perubatan atau Jemaah Doktor Rayuan. Sekiranya perlu, suri rumah akan diberikan bekalan prostetik, ortotik atau lain-lain alat, tanpa sebarang kos)*

- **Faedah pengurusan mayat** (*Faedah Pengurusan Mayat sebanyak RM3,000 (berkuatkuasa mulai 1 Jun 2024) dibayar sekali (one-off) kepada orang tanggungan yang layak jika suri rumah berinsurans meninggal dunia sebelum mencapai umur 55 tahun*)
- **Pencen penakat** (*Jika suri rumah berinsurans meninggal dunia sebelum mencapai usia 55 tahun akibat bencana domestic atau sedang menerima elauan keuzuran atau mati atas apa-apa sebab dalam tempoh perlindungan, Pencen Penakat dibayar sebanyak RM300 sebulan kepada orang tanggungan yang layak mengikut syer yang ditetapkan. Pencen Penakat dibayar kepada duda, anak. Jika suri rumah berinsurans tidak meninggalkan duda, anak, bayaran Pencen Penakat dibayar kepada Ibu bapa suri rumah berinsurans. Syer anak dibayar sehingga anak berumur 21 tahun atau berkahwin atau jika masih belajar sehingga tamat pengajian ijazah pertama. Jika ada anak yang terencat mental, kurang upaya fizikal yang menyebabkan tidak berupaya menanggung dirinya sendiri, syer anak tersebut dibayar sehingga berumur 55 tahun. Pencen Penakat dibayar hanya kepada duda atau ibu bapa warganegara Malaysia sehingga mencapai umur 55 tahun sahaja. Bayaran Pencen Penakat kepada duda juga akan terhenti jika duda berkahwin semula*)

**Tamat**

###

#### **Mengenai PERKESO**

PERKESO, agensi Kerajaan yang menyediakan perlindungan sosial kepada pekerja swasta, Badan Berkanun/Kerajaan, bekerja sendiri dan suri rumah serta tanggungannya daripada keadaan luar jangka. Ia merangkumi kemalangan, hilang upaya, penyakit, kematian dan kehilangan pekerjaan. Perlindungan ini berkonsepkan insurans sosial dengan prinsip 'Prihatin' dan 'leaves no one behind'. PERKESO beroperasi di 54 Pejabat, 5 Pusat Rehabilitasi dan 293 MYFutureJobs One Stop Center di Malaysia. Layari [www.perkeso.gov.my](http://www.perkeso.gov.my) atau hubungi Pusat Khidmat Pelanggan 1300 22 8000.

**Dikeluarkan oleh:**

**Bahagian Komunikasi dan Hal Ehwal Korporat**

**30 Disember 2024**

**Untuk pertanyaan media, sila hubungi:**

**Iklil Fatihah Kamal Redzuan**

**+6019-7107479**

[fatihah.redzuan@perkeso.gov.my](mailto:fatihah.redzuan@perkeso.gov.my)

**Ridauddin Daud**

**+6011-5279 5799**

[ridauddin.daud@perkeso.gov.my](mailto:ridauddin.daud@perkeso.gov.my)